

# Awasi taktik baru negara maju: PM

BN 29 MAR 1994

Daripada Hambali Latiff

NEW DELHI, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak negara membangun bersiap sedia menghadapi kemungkinan negara maju menggunakan tahap gaji minimum sejagat sebagai cara baru syarat perdagangan dan bantuan dengan mereka.

Perdana Menteri memberitahu sidang pleno Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G-15) di sini, Barat menunjukkan kecenderungan mengenai perkara itu selepas mengaitkan perdagangan dengan isu-isu seperti hak asasi manusia, alam sekitar dan demokrasi.

Dr Mahathir berkata, jika tahap gaji minimum sejagat dijajaikan syarat, ia akan membawa kemudahan kepada perdagangan dan pembangunan negara membangun.

Sehubungan dengan itu, beliau mengajak negara-negara Selatan memerangi negara maju jika mereka mengaitkan soal itu dengan dasar perdagangan, pelaburan atau bantuan.

dang tidak rasmi pula diadakan pada petang oleh ketua-ketua kerajaan. Mereka bertukar pendapat mengenai masalah ekonomi dan politik sejagat yang mempunyai kepentingan kepada negara anggota.

Abdullah berkata, Perdana Menteri memberikan sebab perlunya menentang negara maju jika mengaitkan isu itu dengan perdagangan kerana itulah satu-satunya kelebihan di kalangan negara membangun.

"Tidak ada sebab mengapa negara maju mahu mengaitkan soal ini dengan perdagangan kerana kos kehidupan di negara membangun adalah rendah berbanding dengan negara maju.

"Jika upah buruh yang diberikan kompetitif dengan mutu dan kos kehidupan mereka, tidak ada sebab Barat mahu meletakkan tahap gaji minimum sejagat terhadap kos buruh di negara membangun," kata Abdullah sebagai mengulas pandangan Dr Mahathir.

Negara-negara membangun, katanya, sudah cukup 'menderita' dengan syarat hak asasi, alam sekitar dan demokrasi terhadap mereka dan kini 'buruh kompetitif' adalah satu-satunya kelebihan negara membangun untuk mencapai tahap maju.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia menjelaskan, Perdana Menteri menyatakan kebimbangannya mengenai kemungkinan Barat menggunakan senjata baru ini.

Ketua kerajaan lain yang turut memberikan pandangan mereka di sidang itu, selepas majlis perasmian oleh Perdana Menteri India, Narasimha Rao, ialah Presiden Suharto, Indonesia; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Ketua Kerajaan Nigeria, Jeneral Sani Abacha; dan Presiden Senegal, Abdou Diouf.

Sidang pleno diadakan pada sebelah pagi dan si-

Menurut Abdullah, dengan kos buruh yang murah dan kompetitiflah membolehkan negara membangun berkembang cepat dan ketua-ketua kerajaan seharusnya mempertahankan kedudukan itu.

Beliau menyifatkan pandangan Dr Mahathir itu sebagai amaran awal supaya negara membangun bersiap sedia menghadapi tekanan negara Utara mengenai isu ini.

Negara maju, katanya, mempunyai modal besar serta pekerja mahir dan kerana itu mampu memberikan upah tinggi. Bagaimanapun, negara membangun memerlukan pekerja kompetitif supaya ia boleh menggunakan kemudahan itu untuk meningkatkan ekonomi dan pengeluaran.

Perdana Menteri, kata Abdullah, turut mengemukakan pandangannya mengenai hutan tropika yang terpaksa diterokai bagi mendapatkan sumber pembangunan.